

20/05/1998

Beli tiket KL '98 melalui Internet

PEMINAT Sukan Komanwel ke-16 (KL'98) tidak perlu lagi beratur atau menunggu lama untuk membeli tiket kerana kemudahan pembelian diperluaskan lagi menggunakan perkhidmatan Internet.

Sekarang mereka boleh membeli tiket menerusi laman Web khas KL'98 di alamat <http://www.ticketexpress.com.my>.

Ticket Express Sdn Bhd yang pertanggungjawabkan sebagai ejen rasmi pertiketan KL'98 melancarkan laman Web terbabit April lalu yang mana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir menjadi pelanggan pertama membeli tiket menggunakan kemudahan ini.

Kaedah baru ini didakwa lebih mudah dan selamat kepada masyarakat Malaysia dan seluruh dunia amnya kerana mereka tidak perlu lagi bersusah mendapatkan tiket.

Setakat ini laman `ticket express' sudah merekodkan purata kemasukan 20,000 pengunjung sejak dilancarkan.

(END)